



TOKIO MARINE

Headline	Tokio Marine akan bayar RM210 juta kepada RHB Bank		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	31 Dec 2014	Language	Malay
Circulation	45,554	Readership	136,662
Section	Supplement	Page No	A12
ArticleSize	79 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,853		



Tokio Marine akan bayar RM210 juta kepada RHB Bank

KUALA LUMPUR: Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd (Tokio Marine) akan membayar yuran kemudahan sebanyak RM210 juta kepada RHB Bank Bhd di bawah satu perjanjian eksklusif bancassurance.

Tokio Marine dan RHB Bank, unit RHB Capital Bhd, telah memeterai perjanjian eksklusif bancassurance kelmarin membabitkan tempoh 10 tahun.

"Mengikut syarat perjanjian itu, RHB akan mewujudkan kerjasama bancassurance selama 10 tahun dengan Tokio Marine selain memberikan akses pangkalan data pelang-

gannya kepada syarikat itu," kata RHB Capital, dalam makluman kepada Bursa Malaysia.

Menurutnya, perjanjian itu akan berkuat kuasa mulai 1 Jan, 2015 dan berakhir pada 31 Dis, 2024.

Mengikut perjanjian itu, RHB Bank akan hanya menjual, mengedar, memasarkan selama 10 tahun dengan Tokio Marine serta mempromosi produk Marine selain memberikan insurans diwujudkan Tokio

Marine. Mengikut perjanjian itu, RHB Capital berkata Tokio Marine akan membayar RHB Bank komisyen ke atas premium daripada hasil polisi dijual RHB Bank, insentif pemasaran dan insentif khas serta bonus pengeluaran dan bonus pengekalan. — Bernama